



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

BIL.42/2018

### 278,590 PEMILIH AWAL MENGUNDI PADA 5 MEI 2018 (SABTU)

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memaklumkan bahawa seramai **278,590 orang pemilih awal** yang meliputi anggota polis, Pasukan Gerakan Am serta pasangan, dan anggota tentera serta pasangan akan mengundi awal pada **5 Mei 2018 (Sabtu)**. Jumlah tersebut merupakan sebahagian besar daripada jumlah keseluruhan pengundi awal yang berdaftar **iaitu seramai 300,255** orang. Manakala sebahagian lagi iaitu seramai **21,665 orang** pula akan mengundi secara pos.
2. Pada 5 Mei 2018 ini, sebanyak **586** Pusat Mengundi yang melibatkan **910** Tempat Mengundi (saluran mengundi) akan dibuka untuk tujuan pengundian. Proses pengundian awal akan dijalankan mengikut kaedah pengundian biasa dengan dikendalikan oleh **6,376 petugas pilihan raya**. Proses tersebut itu akan disaksikan oleh ejen-ejen calon yang bertanding di bahagian pilihan raya berkenaan. Di samping itu, Pemerhati Pilihan Raya Tempatan daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang dilantik oleh SPR juga boleh memerhati proses pengundian awal itu tertakluk kepada kebenaran masuk ke pusat-pusat pengundian itu daripada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

3. Pusat Pengundian Awal itu akan dibuka mulai jam **8.00 pagi**. Pusat Pengundian Awal akan **ditutup** pada jam **5.00 petang**. Namun begitu, terdapat beberapa Pusat Mengundi Awal ditutup lebih awal iaitu antara jam 1-3 petang. Manakala ada beberapa Pusat Mengundi Awal yang ditutup pada pada jam 7.00 malam.

4. Kertas-kertas undi awal tidak akan dikira di Tempat Mengundi (saluran) pada 5 Mei, sebaliknya akan disimpan di tempat yang selamat iaitu di lokap-lokap balai polis. Kertas-kertas undi itu hanya akan **dikira pada 9 Mei 2018 bermula jam 4.00 petang**. Pengiraan kertas undi akan dijalankan di tempat pengiraan undi yang ditetapkan SPR dan urusan pengiraan undi akan disaksikan oleh ejen-ejen calon masing-masing.

Sekian dimaklumkan dan terima kasih.

**TAN SRI MOHD HASHIM BIN ABDULLAH**

Pengerusi  
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

**PUTRAJAYA**

Tarikh: 4 Mei 2018/ 18 Syaaban 1439H